

## Hubungan antara Tahap Kemahiran Al-Quran Guru dan Pencapaian Tajwid Al-Quran Pelajar KKQ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

*Azmil Hashim, Jahidih Sali*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak*

*azmil@fsk.upsi.edu.my, jahidihsali@gmail.com*

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap kemahiran al-Quran guru Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) dan pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seramai 134 orang pelajar KKQ terlibat dalam kajian ini. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan data kajian diperoleh dengan menggunakan sebuah instrumen soal selidik. Kesahan data dilakukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar. Data dianalisis secara inferensi untuk mendapatkan nilai korelasi *pearson* bagi pemboleh ubah yang dikaji. Melalui kajian rintis yang dijalankan, didapati kebolehpercayaan alat kajian berdasarkan alfa *Cronbach* berada pada tahap tinggi iaitu  $>0.80$ . Dapatan kajian menunjukkan, terdapat hubungan signifikan pada tahap yang rendah antara tahap kemahiran al-Quran guru dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Justeru, kemahiran ini perlu dikuasai dan ditingkatkan oleh guru KKQ kerana ia merupakan salah satu daripada faktor penentu kepada keberkesanan pengajaran tajwid al-Quran.

### PENGENALAN

Kemahiran al-Quran merupakan sebuah komponen penting bagi pengetahuan pedagogikal kandungan dalam pengajaran tajwid al-Quran (Al-Qabisi, 1957). Justeru, guru KKQ perlu menguasai beberapa kemahiran al-Quran seperti tarannum, tajwid al-Quran, hafazan, ulum al-Quran dan Qiraat Sab'ah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Penguasaan terhadap semua bidang kemahiran al-Quran ini membolehkan guru dapat menterjemahkan isi pelajaran al-Quran dengan menggunakan bentuk pedagogi tertentu sesuai dengan latar belakang pelajar (Al-Qabisi, 1955). Hal ini akan menjadikan pengajaran yang dilaksanakan berjalan secara lebih efektif. Di samping, mampu meningkatkan kepercayaan dan rasa hormat para pelajar terhadap guru (Aziz, 1990) dan sudah pasti memberi kesan signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam pendidikan al-Quran. Kajian berkaitan hubungan antara pengetahuan pedagogikal kandungan guru dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar telah pun dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu (Azmil, Jahidih & Aderi, 2015). Dalam konteks kajian ini, kajian berfokus kepada hubungan antara tahap kemahiran al-Quran guru dan pencapaian al-Quran pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran.

### LATAR BELAKANG KAJIAN

Kewujudan pengajaran tajwid al-Quran sebagai sebuah komponen pelajaran penting dalam KKQ bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pelbagai kaedah pengawalan huruf dan ayat al-Quran mengikut kehendak hukum-hukum tajwid. Para pelajar yang menguasai kemahiran ini mampu membaca al-Quran dengan betul mengikut kaedah dan tata cara bacaan yang sepatutnya (JAPIM, 2005). Keberkesanan pengajaran bagi pelajaran ini bergantung pada tahap kemahiran al-Quran guru KKQ kerana pengetahuan ini merupakan salah satu daripada

komponen pengetahuan penting dalam mewujudkan pengajaran secara berkesan (Al-Qabisi, 1955). Penguasaan terhadap kemahiran al-Quran merupakan petanda bahawa guru KKQ turut menguasai aspek pengetahuan kandungan bagi setiap konstruk pengetahuan bagi kemahiran al-Quran. Justeru, perkara ini memudahkan guru dalam menyesuaikan isi pelajaran yang ingin disampaikan dalam bentuk pedagogi tertentu sesuai dengan latar belakang pelajar (Shulman, 1986; Ahmad Yunus, 2011).

Pelaksanaan KKQ yang telah menjangkau tahun ke 29 didapati masih berhadapan dengan pelbagai masalah pengajaran mencakupi aspek kemahiran al-Quran guru dalam pelajaran tajwid al-Quran. Kelemahan ini tidak terhad ke atas sekolah KAA sahaja bahkan turut berlaku ke atas semua sekolah di Malaysia yang menjalankan kelas KKQ (Mohd. Aderi, 2011). Perkara ini sepatutnya tidak berlaku lantaran realiti dalam aspek peranan dan kesan al-Quran begitu penting dalam kehidupan orang Islam. Sistem pengajaran KKQ khususnya dalam pengajaran tajwid al-Quran perlu diperkemaskan lagi untuk meningkatkan penguasaan para pelajar terhadap ilmu-ilmu al-Quran. Sudah pasti, salah satu daripada cara untuk merealisasikan hasrat ini ialah dengan cara meningkatkan kemahiran al-Quran guru KKQ.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Kemahiran al-Quran merupakan kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh orang Islam (Wan Bakar Wan Dagang, 1994). Ini kerana penguasaan terhadap kemahiran ini berkait rapat dengan keupayaan seseorang dalam menjalankan kehidupan sebagai Muslim (Haron Din, 1992). Justeru tidak hairan jika al-Qabisi (1955) meletakkan kemahiran al-Quran sebagai aspek pertama yang perlu diajar kepada kanak-kanak sebelum mengajarkan pengetahuan yang lain. Berdasarkan pernyataan ini, jelas bahawa tuntutan untuk mempelajari al-Quran begitu besar ke atas umat Islam. Dalam PdP al-Quran guru perlu menguasai segenap aspek kemahiran al-Quran secara sepenuhnya. Selain itu, guru al-Quran harus menyelami dan menghayati segala keistimewaan dan kelebihan isi al-Quran kemudian disampaikan kepada pelajar dalam sela waktu tertentu untuk menyuburkan minda, menerbitkan rasa cinta kepada al-Quran serta meningkatkan perasaan suka untuk mendengar, membaca, dan mempelajari al-Quran (Mohd Yusuf, 2000). Dengan demikian, tugas untuk mengajarkan kemahiran al-Quran kepada pelajar menjadi lebih mudah dan sudah tentu pada akhirnya, matlamat untuk mewujudkan penghayatan al-Quran dalam jiwa pelajar akan tercapai (Al-Qabisi, 1955).

Dalam konteks pengajaran tajwid al-Quran, guru KKQ biasanya bermasalah dalam aspek kemahiran al-Quran kerana kurang didedahkan mengenai pengetahuan ini (Mohd. Safwan, 2007; Eadil, 2010). Sebahagian besar daripada guru KKQ mempunyai kurang pendedahan dan penglibatan mengenai kursus berkaitan KKQ (Mohd. Safwan, 2007). Manakala terdapat segelintir daripada guru KKQ tidak pernah menghadiri sebarang kursus berkaitan pelajaran ini (Eadil, 2010). Wajar jika terdapat sebilangan daripada guru KKQ lemah dalam aspek kemahiran al-Quran terutama dalam bidang kemahiran tarannum, qiraat as-sab'ie (JAPIM, 2005). Hal ini agak janggal dalam konteks seorang guru kerana faktor utama yang mempengaruhi keupayaan pelajar dalam membaca al-Quran mengikut hukum tajwid selain faktor ibu bapa ialah faktor guru (Mohd Abbas & Farihatun Nadia, 2010). Tambahan pula, guru merupakan ejen pelaksana kepada sebuah proses pengajaran (Mohamad Rabeh, 2000). Justeru, ukuran kejayaan sebuah proses pengajaran termasuk dalam pengajaran tajwid al-Quran ditentukan oleh guru itu sendiri (Siti Hawa, 2005). Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui hubungan antara tahap kemahiran al-Quran guru dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ. Kajian ini juga perlu dilakukan kerana belum wujud kajian seumpama ini dalam bidang pendidikan al-Quran.

Tinjauan menyeluruh ke dalam bidang kajian yang pernah dilakukan berkaitan KKQ menunjukkan, kajian mengenai hubungan antara kemahiran al-Quran dan pencapaian pelajar dalam bidang hafazan al-Quran, *'ulūm* al-Quran, *qirā'at Sab'ah* dan tarannum belum pernah dijalankan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang telah digariskan seperti berikut:

- a) Mengetahui pasti hubungan antara tahap kemahiran al-Quran guru dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ.

## HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis dalam kajian ini adalah seperti berikut:

H<sub>1</sub> Tidak terdapat hubungan signifikan antara tahap kemahiran al-Quran guru dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian inferensi yang dilaksanakan dalam bentuk kuantitatif. Reka bentuk kajian ini sesuai digunakan untuk menjelaskan suatu fenomena yang sedang berlaku dalam bidang yang belum dikaji (Mohd. Majid, 2005). Tambahan pula, pelaksanaan kajian dengan menggunakan reka bentuk kajian ini memiliki kesahan kajian yang sangat tinggi (Neuman, 2003). Reka bentuk kajian ini sangat sesuai untuk digunakan dalam kajian ini kerana ia menepati objektif kajian yang digariskan iaitu untuk mengenal pasti hubungan antara tahap kemahiran al-Quran guru dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar dalam Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ). Data kuantitatif dalam kajian ini diperoleh dengan menggunakan kaedah tinjauan sesuai dengan bilangan pelajar yang besar (Ary, 2002). Data soal selidik diperoleh dengan mengedarkan soal selidik yang dibina kepada pelajar KKQ. Kumpulan responden pelajar KKQ dikumpul terlebih dahulu untuk diberikan penjelasan ringkas mengenai tujuan dan cara-cara menjawab soal selidik dengan betul. Seterusnya, kumpulan responden ini dikehendaki menjawab soal selidik dalam jangka waktu yang fleksibel. Kemudian soal selidik daripada responden dipungut setelah selesai dalam menjawab soal selidik yang disediakan. Populasi pelajar terdiri daripada 180 orang pelajar KKQ tingkatan 4 di 6 buah sekolah KAA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2011). Para pelajar tingkatan empat dipilih sebagai responden kajian kerana mereka dianggap telah memiliki pengalaman yang cukup dalam proses PdP tajwid al-Quran di samping tidak terlibat dengan peperiksaan awam. Bilangan saiz sampel pelajar ditentukan berdasarkan perkiraan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Sekaran (1992). Menurut kaedah persampelan Krejcie & Morgan (1970) dan Sekaran (1992), populasi kajian sebanyak 180 diwakili oleh bilangan sampel sebanyak 123. Ini bermakna, saiz sampel bagi 180 orang pelajar KKQ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 123 orang pelajar. Untuk mengelakkan ralat seperti soal selidik yang tidak sempurna atau tidak dikembalikan, pengkaji menetapkan saiz sampel bagi pelajar yang terlibat dalam kajian ini seramai 150 orang pelajar. Berdasarkan teknik persampelan Krejcie & Morgan (1970) dan Sekaran (1992) di atas, didapati bahawa jumlah keseluruhan sampel dalam kajian ini adalah seramai 134 orang pelajar KKQ.

Kesahan kandungan instrumen soal selidik ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar yang terdiri daripada empat individu pakar dalam bidang pendidikan Islam, bidang pendidikan al-Quran dan bidang penyelidikan untuk memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka. Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada ketekalan dalaman item-item yang digunakan dalam instrumen (Gall, Gall & Borg, 2005). Dalam konteks kajian ini, nilai ketekalan dalaman bagi setiap item instrumen diperoleh dengan menggunakan nilai pekali alfa *koefisien Cronbach*. Hasil analisis menunjukkan, kesemua instrumen dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (>0.80). Justeru instrumen-instrumen ini boleh digunakan dalam kajian sebenar. Analisis data kuantitatif dalam kajian ini dilaksanakan secara inferensi dengan menggunakan IBM SPSS V20. Prosedur analisis data yang digunakan dalam kajian ini ialah prosedur korelasi *pearson*. Hasil analisis korelasi *pearson* dihuraikan dengan menggunakan jadual nilai pekali korelasi seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : *Nilai Pekali Korelasi*

Nilai Pekali Korelasi (r)	Interpretasi
1.00	Sempurna
0.70-0.99	Sangat Tinggi
0.50-0.69	Kukuh
0.30-0.49	Sederhana
0.10-0.29	Rendah
0.01-0.09	Boleh Diabaikan

*Sumber. Davies (1971)*

## ANALISIS KAJIAN

Jadual 2 merupakan paparan hasil analisis korelasi *pearson* antara tahap kemahiran al-Quran guru dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar dalam KKQ. Secara keseluruhannya, terdapat hubungan signifikan antara tahap kemahiran al-Quran guru dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ. Dengan ini  $H_{01}$  adalah ditolak. Konstruk kemahiran al-Quran guru dengan korelasi paling tinggi ialah elemen tilawah bertajwid ( $r=0.335$ ,  $p<0.05$ ) kemudian diikuti oleh konstruk qiraat & bacaan tadwir dan tartil ( $r=0.272$ ,  $p<0.05$ ). Seterusnya ialah konstruk kelancaran bacaan ( $r=0.266$ ,  $p<0.05$ ), konstruk kemahiran lisan ( $r=0.248$ ,  $p<0.05$ ) dan konstruk dengan nilai korelasi paling rendah ialah konstruk kemahiran fasahah ( $r=0.206$ ,  $p<0.05$ ).

Jadual 2 *Korelasi Antara Tahap Kemahiran al-Quran Guru dan Pencapaian Tajwid al-Quran Pelajar Dalam KKQ*

	r	Sig. P
Kemahiran lisan * Pencapaian pelajar	0.248	0.004
Kelancaran bacaan * Pencapaian pelajar	0.266	0.002
Kemahiran fasahah * Pencapaian pelajar	0.206	0.005
Tilawah bertajwid * Pencapaian pelajar	0.335	0.000
Qiraat & Bacaan tadwir dan tartil * Pencapaian pelajar	0.272	0.001
PPK (Keseluruhan) * Pencapaian pelajar	0.289	0.001

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras  $p<0.05$  (2-tailed)

N=134

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan, terdapat hubungan signifikan antara tahap kemahiran al-Quran guru dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar dalam KKQ. Perincian dapatan kajian pula mendapati, kemahiran lisan yang dimiliki oleh guru KKQ tidak mempunyai impak kritikal terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa, tahap kemahiran lisan guru KKQ belum mencapai tahap memuaskan. Hal ini jelas bertentangan dengan peranan kemahiran ini terhadap penguasaan guru KKQ dalam aspek kemahiran al-Quran secara menyeluruh. Lazimnya, kemahiran lisan terbentuk daripada gabungan dua kemahiran kecil iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur (Chew & Abdul Jalil, 2008). Dalam konteks pengajaran al-Quran, kemahiran mendengar merujuk kepada kemahiran guru dalam mengecam, mengenal dan mengamati bacaan al-Quran yang didengar. Sementara kemahiran bertutur pula merupakan kemahiran guru al-Quran dalam menyebut dan membaca setiap huruf, perkataan dan ayat-ayat al-Quran berdasarkan makhraj dan sifat huruf dengan betul.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan tahap hubungan yang rendah antara konstruk kelancaran bacaan dan pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Ini menunjukkan bahawa, konstruk ini tidak mempunyai pengaruh yang besar terhadap pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Kelancarannya dalam konteks kajian ini merujuk kepada keupayaan guru KKQ dalam membaca al-Quran dalam tempo *At-Tartil*, *al-Hadr*, *At-Tadwir* dan *At-Tahqiq* dengan lancar. Berdasarkan analisis korelasi yang dilaksanakan bagi konstruk ini, dapat difahami jika guru KKQ bermasalah dalam mana-mana tempo bacaan al-Quran yang telah disebutkan di atas. Masalah ini dapat diatasi melalui proses pengulangan atau *takrar* (Al-Qabisi, 1955). Beliau menegaskan bahawa pengajaran al-Quran perlu dilaksanakan secara berulang agar isi pelajaran yang dipelajari tidak luput daripada ingatan. Selain itu, proses takrar juga dapat melatih guru KKQ untuk meningkatkan kelancaran dalam pembacaan al-Quran.

Perbandingan skor korelasi bagi setiap konstruk mendapati konstruk dengan korelasi paling rendah ialah konstruk kemahiran fasahah. Justeru dapat difahami jika konstruk ini mempunyai pengaruh yang kecil terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Dapatan seumpama ini diperoleh disebabkan oleh penguasaan guru KKQ yang rendah terhadap konstruk kemahiran fasahah. Lazimnya, masalah ini timbul kerana gangguan daripada bahasa ibunda (Sabariah, 2011). Akan tetapi, masalah ini mampu diatasi dengan cara mendalami ilmu berkaitan makhraj huruf dan sifat huruf dan juga penggunaannya dalam bacaan al-Quran (Sabariah, 2011). Penguasaan terhadap konstruk kemahiran fasahah secara sepenuhnya mampu meningkatkan impak terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran.

Satu-satunya konstruk dengan tahap hubungan pada tahap sederhana ialah konstruk kemahiran tilawah bertajwid. Dapatan ini sekali gus menjelaskan bahawa konstruk ini merupakan konstruk kemahiran al-Quran dengan impak paling kritikal terhadap pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Walau bagaimanapun, kemahiran guru terhadap konstruk ini perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa agar impak terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran lebih tinggi. Sebagai seorang guru, guru KKQ perlu menjadikan konstruk ini sebagai keutamaan untuk menghindarkan diri daripada mengajarkan kemahiran al-Quran yang salah kepada pelajar. Penguasaan terhadap kemahiran ini penting untuk menjamin ketepatan sebutan dan bacaan dalam tilawah al-Quran sekali gus dapat memelihara makna dan mesej yang terkandung dalam ayat al-Quran yang dibaca (Mustapha Kamil, 2001).

Analisis korelasi bagi konstruk qiraat & bacaan tadwir dan tartil pula mendapati, konstruk ini menunjukkan tahap hubungan yang rendah dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Dapatan ini secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa konstruk ini tidak berpengaruh besar terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Bentuk qiraat yang perlu diberikan tumpuan khusus ialah qiraat riwayat Hafs 'An 'Asim kerana Imam 'Asim mempunyai sanad qiraat tertinggi sehingga beliau dengan Rasulullah SAW hanya dijarakkan oleh dua orang perantaraan sahaja iaitu dua silsilah sanad. Guru KKQ perlu menguasai qiraat ini agar dapat memberikan impak yang lebih besar kepada pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Secara keseluruhannya tahap kemahiran al-Quran guru mempunyai hubungan signifikan pada tahap yang rendah dan sederhana dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ. Perincian mengenai tahap hubungan bagi setiap konstruk kemahiran al-Quran guru KKQ iaitu konstruk kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasahah, tilawah bertajwid dan qiraat & bacaan tadwir dan tartil menunjukkan tidak terdapat satu daripada konstruk tersebut menunjukkan tahap hubungan pada tahap tinggi atau sederhana tinggi. Ini menunjukkan, tahap kemahiran al-Quran guru KKQ bukanlah satu-satunya faktor yang berpengaruh terhadap tahap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Sebaliknya, pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti faktor motivasi, persekitaran pelajar, kemahiran sendiri pelajar dan gaya keibubapaan (Mohd Shukari et al., 2012).

Dapatan kajian dalam konteks turutan tahap hubungan bagi setiap konstruk kemahiran al-Quran guru menjelaskan bahawa konstruk tilawah bertajwid mempunyai pengaruh terbesar terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Justeru, konstruk ini perlu diberikan penekanan khusus oleh guru untuk memastikan pelajar KKQ beroleh pencapaian yang memuaskan dalam pelajaran tajwid al-Quran. Sementara konstruk dengan tahap hubungan paling rendah ialah konstruk kemahiran fasahah. Dapatan kajian ini memberi kefahaman bahawa, konstruk kemahiran fasahah tidak berpengaruh secara kritikal terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Perolehan tahap hubungan yang rendah dan sederhana bagi setiap konstruk kemahiran al-Quran guru dengan pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran berlaku antaranya adalah kerana tahap penguasaan guru dalam setiap konstruk kemahiran al-Quran berada pada tahap yang tidak memuaskan. Oleh itu, guru hendaklah meningkatkan tahap penguasaan dalam setiap konstruk kemahiran al-Quran dari semasa ke semasa agar dapat memberi impak yang lebih besar terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran.

## **KESIMPULAN**

Secara umumnya, objektif kajian yang digariskan dalam kajian ini telah pun terjawab. Didapati bahawa tahap kemahiran al-Quran guru mempunyai hubungan signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Tahap hubungan paling tinggi ialah konstruk tilawah bertajwid, manakala tahap hubungan terendah ialah konstruk kemahiran fasahah. Perolehan tahap hubungan yang tidak mencapai tahap tinggi dan sederhana tinggi menunjukkan bahawa faktor kemahiran al-Quran guru bukanlah satu-satunya faktor berpengaruh terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Sementara itu, guru KKQ hendaklah berinisiatif untuk meningkatkan pengetahuan terhadap setiap konstruk kemahiran al-Quran agar dapat memberikan impak yang lebih besar kepada pencapaian tajwid al-Quran pelajar pada masa-masa akan datang.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Ar-Risalah al-Mufasssolah li ahwal al-mua'allimin wa ahkam al-mua'allimin wal muta'alimin*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub alArabiyyah.

Ahmad Yunus Kasim. (2011). *Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ary, D, Jacobs, L.C; Razavieh, A. (2002). *Introduction to research in education*. Belmont USA: Wadsworth/Thompsom Learning.

Aziz Nordin. (1990). Pandangan dan penilaian murid serta guru matapelajaran sekolah menengah terhadap pengajaran guru pelatih UTM. *Jurnal Pendidikan*.

Chew Fong Peng, & Abdul Jalil Othman. (2008). Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di malaysia. *Sosiohumanika*, 1 (1).

Eadil Mat. (2010). *Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Gall, J.P; Gall, M.D & Borg, W.R. (2005). *Applying educational research a practical guide*. Boston: Allyn and Bacon.

Haron Din & Sobri Salamon. (1987). *Masalah pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM. (2005). *Kurikulum Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran*. Putrajaya. Bahagian Kurikulum Pendidikan dan Moral.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Kurikulum Kelas Khas Kemahiran al-Quran, Tingkatan satu, dua dan tiga*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Abbas Abdul Latif, & Farihatun Nadia Yaacob. (2010). *Persepsi pelajar terhadap program membudayakan al-Quran dalam meningkatkan tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid. Satu kajian di SMK Dato Bentara Luar*, 1-11.

Mohd. Aderi Che Noh. (2011). Pelaksanaan Kelas Kemahiran Al-Qur'an Di Malaysia: Satu Analisis. *Journal of Islamic And Arabic Education*, 3 (1) 47-58. UKM: Bangi.

Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Rabe Bin Abdullah. (2000). *Penilaian pelaksanaan kurikulum al-Azhar di sekolah menengah agama Jabatan Agama Islam Selangor*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Mohd. Safwan Salleh. (2007). *Penyelidikan Kelas Kemahiran al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan: kajian di Jabatan Pendidikan Kelantan*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Mustapha Kamil Che Pa. (2001). *Pencapaian tajwid di kalangan pelajar-pelajar Maahad Tahfiz: satu kajian kes*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Neuman, W.L.. (2003). *Social Research theory methods: Qualitative and quantitative* (Edisi Ke-5). New York: Pearson Education Inc.

Sabariah Othman. (2011). *Masalah penyebutan huruf al-Quran di kalangan saudara baru : Satu kajian kes*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill building approach* (Edisi Ke-2). New York: Wiley & Sons, Inc.
- Shulman, L.S. (1986). *Those who understand: Knowledge growth in teaching*. *Educational Researcher* 15 (2): 4-14.
- Siti Hawa Mohd Nawawi. (2005). *Perbandingan pencapaian dan sikap pelajar dengan tabap pengetahuan sedia ada dalam kajian rekaan seni visual*. Tesis Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Wan Bakar Wan Dagang. (1994). *Generasi al-Quran: Perancangan dan pelaksanaannya*. Kertaskerja dibentangkan dalam Seminar Pendidikan al-Quran anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Maktab Perguruan Islam, Bangi.